

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

SBW201 - Teori dan Isu Pembangunan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** Soalan sahaja.

1. a. Apakah ciri-ciri sistem Kapitalisme?
(25 markah)
- b. Bagaimanakah teori kapitalisme mempengaruhi globalisasi?
(75 markah)

2. a. Apakah 3 komponen utama dalam pendekatan dialektik yang digunakan oleh Marx?
(10 markah)
- b. Huraikan secara ringkas pendapat Marx mengenai:
 - i. Pengenalan mesin, sebagai satu kaedah pengeluaran menindas golongan proletar.
(30 markah)
 - ii. Empat aspek, bagaimana buruh dieksploitasi dan disisihkan dalam konsep pengasingan buruh (*alienation of labour*).
(30 markah)
 - iii. Kerajaan dijadikan alat bourjuis.
(30 markah)

3. a. Apakah yang dimaksudkan dengan teori Pergantungan?
(20 markah)
- b. Bagaimanakah teori Pergantungan berbeza dengan teori Marxisme?
(40 markah)
- c. Menurut Andre Gunder Frank, apakah faktor yang menyebabkan kemunduran di kalangan negara mundur?
(40 markah)

4. a. Apakah yang dimaksudkan dengan ekosentrik dan teknosentrik?
(30 markah)
- b. Huraikan sejauh mana fahaman ekosentrik mempengaruhi pembangunan dunia masa kini?
(35 markah)
- c. Mengapakah pendekatan pembangunan mampan yang berlandaskan teknosentrik dikritik dan disamakan dengan pembangunan sistem Kapitalis?
(35 markah)

5. a. Apakah yang dimaksudkan dengan populisme?
(20 markah)
- b. Mengapakah konsep pembangunan yang berteraskan akar umbi (*grassroot*) mula mendapat perhatian di kacamata dunia, terutama sekali di negara sedang membangun?
(40 markah)
- c. Huraikan pendekatan PRA (*Participant Rural Appraisal/Participant Reflective Action*) yang dipopularkan oleh Robert Chambers.
(40 markah)
6. a. Apakah rahsia di sebalik kejayaan Negara Industri Baru (NIB) di Asia Timur berbanding dengan kegagalan negara-negara di Amerika Latin seperti Mexico, Brazil dan Argentina?
(50 markah)
- b. Merujuk kepada krisis kewangan tahun 1997, bincangkan dari perspektif sosialis mengenai pergantungan negara sedang membangun di Asia kepada sistem ekonomi di negara maju.
(50 markah)